

Research Article

# Tahap Amalan Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Dari Aspek Kefahaman dan Transformasi: Satu Kajian di Daerah Klang, Selangor

Mohamed Faizul Mat Som <sup>1\*</sup>, Syed Kamaruzaman Syed Ali<sup>2</sup>, Shahrir Jamaluddin<sup>3</sup>, and Mohd Faiz Baharan <sup>4</sup>

1 Affiliation <sup>2</sup>; syed@um.edu.my

2 Affiliation <sup>3</sup>; jamaluddinshahrir@um.edu.my

3 Affiliation <sup>4</sup>; fazries@yahoo.com.my

\* Correspondence: faizul5152@yahoo.com

Received: 1<sup>st</sup> January 2019; Accepted: 10<sup>th</sup> January 2019; Published: 28<sup>th</sup> February 2019

**Abstrak:** Kajian tentang penaakulan pedagogi dari aspek kefahaman dan transformasi guru mempunyai perkaitan antara satu sama lain dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Objektif kajian ini, bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kefahaman guru terhadap isi kandungan, latar belakang murid serta mengenal pasti tahap amalan dimensi transformasi dalam sub dimensi persediaan, usaha serta penyampaian dalam pengajaran. Kaedah tinjauan secara soal selidik digunakan dengan sampel kajian berjumlah 119 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani terlibat dalam kajian ini. Analisis data soal selidik menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 21 yang melibatkan kaedah statistik deskriptif seperti skor min, sisihan piawai dan skor peratus. Analisis deskriptif turut digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh data mengenai demografi kajian yang melibatkan skor peratus dan kekerapan profil peserta kajian iaitu jantina, etnik, lokasi sekolah dan opsyen guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani dalam aspek kefahaman dan transformasi dapat di terjemahkan. Amalan kefahaman guru dalam pedagogi dan tindakan pengajaran sekolah menengah yang dikaji adalah diamalkan di tahap tinggi, dengan skor min ( $M=3.76$ ) dan sisihan piawai ( $SP=0.76$ ). Manakala amalan transformasi pula turut mencatatkan bacaan tahap tinggi berdasarkan kepada nilai ( $M=3.95$ ,  $SP= 0.71$ ). Oleh yang demikian itu, secara tidak langsung fenomena amalan penaakulan pedagogi pengajaran berlaku dan dapat diterjemahkan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani di daerah Klang. Justeru dapatan kajian ini boleh digunakan dan dipraktikkan di daerah lain bagi memantapkan lagi penguasaan pengajaran guru, malah mampu dipertingkatkan dengan lebih baik pada masa akan datang.

**Keywords:** Penaakulan pedagogi; Kefahaman; Transformasi Pendidikan Jasmani

## About the Authors

Dr Syed Kamaruzzaman Syed Ali adalah pensyarah kanan Unit Pendidikan Jasmani di Jabatan Matematik dan Sains Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur. Beliau adalah seorang penulis buku dalam kajian lapangan penyelidikan iaitu Buku ilmiah Pedagogi Berasaskan Stail Pengajaran

## Public Interest Statement

Guru Pendidikan Jasmani memerlukan tahap amalan pedagogi dan tindakan pengajaran yang baik dan berkesan agar murid dapat memahami ilmu yang disampaikan oleh guru semasa pengajaran di bilik darjah. Fokus amalan guru Pendidikan adalah berteraskan kepada dimensi kefahaman dan transformasi

dan Model-Model Pentaksiran Pendidikan Jasmani. Bidang profesional beliau adalah sebagai ahli seumur hidup dalam Persatuan Pendidikan Jasmani, sains dan kecergasan kebangsaan. Manakala Mohamed Faizul Mat Som adalah seorang guru yang telah berkhidmat selama 24 tahun dalam bidang Pendidikan Jasmani. Mempunyai pengalaman yang luas berkaitan bidang kajian dan kejurulatihan Pendidikan Jasmani dan 1M1S di peringkat daerah, negeri dan peringkat Kebangsaan. Beliau adalah penerima HLP (CBBTP) (2015-2018), menyambung pengajian peringkat PhD di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dalam bidang kajian Pendidikan Jasmani.

Sehubungan dengan itu, fokus amalan dalam dimensi kefahaman adalah terhadap isi kandungan mata pelajaran dan latar belakang murid. Manakala dimensi yang kedua adalah transformasi yang menjurus kepada persediaan dan cara penyampian guru dalam pengajaran. Justeru guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi isi kandungan akan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran, di samping memiliki tahap amalan yang baik. Akhirnya amalan ini menjadi satu garis panduan kepada guru Pendidikan Jasmani bagi mencapai satu standard pengajaran. Hal ini kerana amalan tersebut merupakan turutan disiplin yang sangat penting bagi seseorang guru, di samping menjadikan pengajaran lebih berkesan dalam membina ciri-ciri guru Pendidikan Jasmani yang berkualiti

## 1. Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) menyatakan bahawa agenda polisi pendidikan negara mengutamakan pembinaan guru yang berkualiti sebagai suatu keutamaan. Situasi ini jelas termaktub dalam misi utama KPM yang berhasrat untuk melahirkan guru yang memiliki jiwa pendidik serta sentiasa berusaha melaksanakan agenda pendidikan setanding dengan negara maju yang lain. Ini membuktikan apa yang dirancang dan dilaksanakan adalah untuk menambah baik sistem pendidikan dalam menyediakan guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, profisiensi dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sejajar dengan itu, seorang guru perlu membina bentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru professional yang disanjung tingi oleh masyarakat (Bahagian Pendidikan Guru, 2007). Kecemerlangan dan kejayaan seseorang murid dilihat melalui kebergantungan kepada pengetahuan, kefahaman dan transformasi guru dalam pengajaran. Justeru, amalan penaakulan pedagogi memainkan peranan penting kerana ia akan mencorakkan pengajaran yang berkesan. Akta Pendidikan (1996) telah memperuntukkan bahawa Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran teras sekolah di Malaysia (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 25/1998). Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Jasmani seharusnya diajar kepada semua peringkat murid termasuk murid yang berada di kelas peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005).

Hal ini juga turut dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) antaranya adalah kualiti guru dalam aspek keberhasilan pengajaran dan pembelajaran. Guru abad ke 21 perlu menguasai kepakaran berikut dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah iaitu perlu menguasai ilmu, mata pelajaran dan isi kandungannya di mana pengetahuan, kemahiran dan pengalaman guru perlu diintegrasikan bagi membina satu pengajaran yang mantap dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan di samping menguasai aspek pedagogi.

Namun masalah penguasaan isi kandungan mata pelajaran merupakan aspek paling penting yang perlu diberi perhatian yang serius. Isu kegagalan seseorang guru menguasai isi kandungan mata

pelajaran ketika pengajaran akan menimbulkan pelbagai masalah kepada diri seorang guru dan murid, antaranya adalah objektif pengajaran yang tidak tercapai serta murid tidak memahami apa yang telah diajar oleh guru. Oleh itu, guru seharusnya menyedari bahawa tugas dan amanah yang dipikul adalah untuk mendidik generasi yang akan menerajui negara. Justeru kefahaman terhadap isi kandungan dan kefahaman guru tentang latar belakang murid serta transformasi guru dalam tiga dimensi tersebut perlu di perkasa dan diberi perhatian sewajarnya. Hal ini kerana, mereka telah didedahkan dengan ilmu konten dan ilmu pedagogi semasa mendapat latihan perguruan dan semasa latihan dalam perkhidmatan (Zamri Mahamod, et al., 2012). Tambahan disusuli dengan pandangan (Ward & Ayvazo, 2016) pengetahuan tentang pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan tentang latar belakang murid dan pengetahuan kurikulum pedagogi dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah penting dan kuat berdasarkan kajian keberkesanan guru lebih daripada tiga dekad yang lampau.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) turut melaporkan bahawa guru Pendidikan Jasmani juga masih kurang peka terhadap penekanan penguasaan pembelajaran murid melalui proses pengajaran. Murid kurang diberi peluang untuk menunjukkan hasil kemahiran mengikut kreativiti yang melibatkan penguasaan proses mental serta dorongan motivasi di dalam pelaksanaan tugas dalam pembelajaran bilik darjah. Selain daripada itu, isu guru Pendidikan Jasmani mengajar tidak mengikut rancangan harian yang telah disediakan oleh panitia serta gagal menulis rancangan pengajaran harian dengan sempurna.

Ini dapat dibuktikan dengan laporan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) (2016). JNJK menyarankan dalam tindakan pembedahan dan penambahbaikan sekolah berdasarkan dapatan pemeriksaan di sebuah sekolah menengah di Selangor, secara bertulis agar guru memperbaiki prestasi murid dalam setiap peperiksaan yang dijalankan dengan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan di samping membantu guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih berkesan lagi. Selain dari itu juga guru disarankan menulis pernyataan objektif pelajaran secara spesifik dan boleh diukur serta memberi pujian kepada murid yang melibatkan diri dalam aktiviti yang disertai sepanjang pengajaran dan pembelajaran.

Dengan saranan daripada pihak pelaporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM (2016) boleh dijadikan panduan kepada guru-guru dalam mengemas kini pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Jasmani agar pengajaran lebih berkesan pada masa akan datang. Bertitik tolak daripada laporan JNJK secara tidak langsung telah menimbulkan keinginan penyelidik untuk menjalankan kajian bagi melihat sejauh mana tindakan pengajaran guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Selangor dengan lebih mendalam. Di samping itu, penyelidik ingin melihat perkaitan di antara dimensi serta mengenal pasti dimensi yang paling tinggi menyumbang kepada amalan penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Selangor.

## 2. Kaedah Kajian

Bahagian ini membincangkan tajuk yang di bawah:

### 2.1. Reka bentuk kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau amalan penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani di sekolah menengah daerah Klang, Selangor. Oleh itu, kaedah tinjauan digunakan berserta soal selidik untuk mengumpul data dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah daerah Klang.

### 2.2. Sampel kajian

Pemilihan peserta kajian ini adalah secara rawak mudah. Pemilihan tersebut melibatkan 119 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Pemilihan saiz sampel

kajian adalah bersesuaian dengan pandangan Hair et al., (2010) bahawa saiz sampel yang ideal bagi kajian adalah antara 100 hingga 500. Penentuan saiz sampel tersebut berdasarkan kepada jumlah populasi guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah daerah Klang seramai 462 (JPNS Selangor, Mac 2017).

### 3. Dapatan Kajian

Seramai 119 sampel kajian dipilih secara rawak dalam kajian ini. Kesemua responden adalah guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di beberapa daerah Klang. Latar belakang dibezakan mengikut jantina, lokasi sekolah, etnik dan pengkhususan.

**Jadual 1.** Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Jantina

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	55	46.2
	Perempuan	64	53.8

Jadual di atas, menunjukkan seramai 55 orang peserta kajian adalah guru lelaki. Jumlah tersebut mewakili 46.2% peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan guru perempuan pula adalah 53.8%, iaitu seramai 64 orang secara keseluruhannya.

**Jadual 2.** Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Lokasi Sekolah

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Kategori Sekolah	Bandar	85	71.4
	Luar Bandar	34	28.6

Manakala jadual 2 pula menunjukkan dari segi kategori sekolah pula, didapati sebanyak 71.4% (85) buah sekolah dalam bandar dan selebihnya 28.6% (34) buah sekolah adalah kategori luar bandar.

**Jadual 3.** Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Opsyen Guru

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Opsyen	Pendidikan Jasmin	46	38.7
	Sains Sukan	10	8.4
	Bukan Opsyen	63	52.9

Jadual 3 pula menunjukkan dari segi kategori opsyen guru sekolah pula, didapati responden yang paling ramai adalah guru bukan opsyen yang mendominasi 52.9%. diikuti dengan guru opsyen sebanyak 38.7% (46), manakala Sains Sukan hanya 8.4% (10).

**Jadual 4.** Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Etnik/Bangsa

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Etnik	Melayu	104	87.4
	Cina	7	5.9
	India	7	5.9
	Lain-lain	1	0.8

Satu garis panduan untuk skor min telah ditetapkan untuk memudahkan perbincangan dan penjelasan mengenai tahap dalam kajian skor ini. Penjelasan adalah seperti jadual 5 di bawah:

**Jadual 5.** Interpretasi Nilai Pekali Min Skala Lima Likert mengikut Lima Tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

<sup>1</sup>Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2005)

Manakala dalam jadual 6 di bawah adalah amalan penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani dari aspek kefahaman dimensi isi kandungan (IK) dan kefahaman guru terhadap latar belakang murid (LBM) disertai dengan transformasi guru dalam tiga dimensi iaitu persediaan (SEDIA), usaha dan penyampaian guru (PAIGU).

**Jadual 6.** Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Amalan Kefahaman Guru.

Bil	Penyataan Kefahaman	STS	TS	AS	S	SS	JUM	MIN	SD
1	Memahami dengan jelas kandungan standard kurikulum/sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani.	2.5 (3)	4.2 (5)	24.4 (29)	58.0 (69)	10.9 (13)	68.9%	3.71	0.82
2	Memahami dengan jelas setiap elemen yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.		1.7 (21)	19.3 (23)	63.9 (76)	15.1 (18)	79%	3.92	0.64
3	Dapat menjelaskan tujuan pengajaran Pendidikan Jasmani mengikut bidang (kemahiran dan kecergasan)	.8 (1)	3.4 (4)	26.1 (31)	52.1 (62)	17.6 (21)	69.7%	3.82	0.79
4	Mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai mata pelajaran Pendidikan Jasmani.	1.7 (2)	10.9 (13)	26.1 (31)	49.6 (59)	11.8 (14)	61.4%	3.59	0.89
5	Mengenal pasti objektif standard kurikulum/sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani dengan jelas.	1.7 (2)	3.4 (4)	30.3 (36)	51.3 (61)	13.4 (16)	64.7%	3.71	0.80
6	Dapat menjelaskan objektif Pendidikan Jasmani kepada murid semasa sesi pengajaran.	.8 (2)	4.2 (5)	20.0 (24)	62.2 (74)	12.6 (15)	74.8%	3.82	0.74
7	Mengenal pasti domain pembelajaran dalam		8.4 (10)	26.9 (32)	51.3 (61)	13.4 (16)	64.7%	3.70	0.81

	Pendidikan Jasmani mengikut standard kurikulum/ sukatan pelajaran (psikomotor, kognitif dan afektif).								
8	Memahami standard kurikulum/sukatan pelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani bagi memudahkan pengajaran saya.	.8 (1)	2.5 (3)	31.9 (38)	53.8 (64)	10.9 (13)	64.7%	3.71	0.73
9	Berpengetahuan tentang topik spesifik dalam standard kurikulum/sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani mengikut bidang (kemahiran dan kecergasan)	.8 (1)	9.2 (11)	37.0 (44)	45.4 (54)	7.6 (9)	53.0%	3.50	0.80
10	Memahami perkaitan antara topik Pendidikan Jasmani mengikut tingkatan dengan jelas.	.8 (1)	7.6 (9)	27.7 (33)	52.9 (63)	10.9 (13)	63.8%	3.66	0.81
11	Mengambil berat tentang kefahaman murid dalam bidang kemahiran sukan yang diajar.(gimnastik asas, kategori serangan, kategori jaring/olahraga dan permainan lain)			32.8 (39)	52.1 (62)	15.1 (18)	67.2%	3.82	0.67
12	Mengambil berat tentang prestasi murid dalam bidang kecergasan yang diajar.(kelenturan, daya tahan otot, komposisi badan/sistem kardiovaskular)			27.7 (33)	54.6 (65)	17.6 (21)	72.2%	3.90	0.67
13	Mengambil berat tentang prestasi murid dalam bidang kemahiran sukan yang diajar. (gimnastik asas, kategori serangan, kategori jaring/olahraga dan permainan lain).			30.3 (36)	51.3 (61)	18.5 (22)	69.8%	3.88	0.69

14	Mengemukakan soalan yang membimbing murid memahami kemahiran yang diajar (kemahiran, kecergasan dan gaya hidup sihat)	1.7 (2)	3.4 (4)	25.2 (30)	53.8 (64)	16.0 (19)	69.8%	3.79	0.81
15	Menyediakan aktiviti fizikal yang mencabar murid bagi merangsang kemahiran berfikir aras tinggi tentang perkara yang diajar.			33.6 (40)	50.4 (60)	16.0 (19)	66.4%	3.82	0.69
Keseluruhan Amalan								3.76	0.76

STS	= Sangat Tidak Setuju	SP	= Sisihan Piawai
TS	= Tidak Setuju		
AS	= Agak Setuju		
S	= Setuju		
SS	= Sangat Setuju		

Keseluruhan amalan kefahaman guru dalam pedagogi dan tindakan pengajaran sekolah menengah yang dikaji adalah diamalkan di tahap tinggi, dengan skor min ( $M=3.76$ ) dan sisihan piawai ( $SP=0.76$ ).

Berikut adalah frekuensi min dan tahap implementasi amalan penaakulan pedagogi dalam pengajaran Pendidikan Jasmani dalam aspek transformasi.

**Jadual 7.** Taburan Responden mengikut Faktor Penguasaan Ilmu

Bil	Penyataan Transformasi	STS	TS	AS	S	SS	JUM	Min	SD
1	Menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) terlebih dahulu sebelum sesi pengajaran.	-	.8 (1)	8.4 (10)	47.1 (56)	43.7 (52)	90.8%	4.34	0.67
2	Menyediakan rancangan pengajaran mengikut aras kesesuaian dengan murid.	-	-	20.2 (24)	56.3 (67)	23.5 (28)	79.8%	4.03	0.66
3	Menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dengan kemahiran yang diajar (kemahiran dan kecergasan).	-	2.5 (8)	15.1 (124)	61.3 (335)	21.0 (130)	82.3%	4.01	0.68

4	Menguasai pengetahuan yang terkini mengenai ilmu konten/standard kurikulum mata pelajaran Pendidikan Jasmani.	-	5.0 (6)	25.2 (30)	56.3 (67)	23.4 (16)	79.7%	3.78	0.74
5	Memastikan murid dapat menguasai standard pembelajaran terlebih dahulu sebelum ke peringkat seterusnya (aspek 1: kemahiran pergerakan).	-	4.2 (5)	26.9 (32)	59.7 (71)	9.2 (11)	68.9%	3.74	0.68
6	Mengajar mengikut rancangan tahunan yang telah disediakan oleh Panitia Pendidikan Jasmani berdasarkan standard kandungan / sukatan pelajaran.	-	-	15.1 (18)	64.7 (77)	20.2 (24)	84.9%	4.05	0.59
7	Membaca buku-buku ilmiah sebagai persediaan awal saya sebelum memulakan sesi pengajaran sebagai tambahan ilmu pengetahuan.	-	5.0 (6)	32.8 (39)	44.5 (53)	17.6 (21)	63.1%	3.75	0.80
8	Mendapatkan bahan ilmiah tambahan di internet sebagai persediaan pengajaran saya.	.8 (1)	6.7 (8)	23.5 (28)	50.4 (60)	18.5 (22)	68.9%	3.79	0.85
9	Menyediakan aktiviti yang sesuai dengan kebolehan murid (kemahiran dan kecergasan).	-	3.4 (4)	21.8 (26)	52.9 (63)	21.8 (26)	74.7%	4.03	0.64
10	Memperuntukkan masa mengajar sepenuhnya sebagaimana yang	-	-	18.5 (22)	59.7 (71)	21.8 (26)	81.5%	3.93	0.75



terdapat dalam jadual waktu pengajaran persendirian.

11	Menggunakan perwakilan seperti menjadikan murid sebagai model dalam pengajaran.	.8 (1)	.8 (1)	16.8 (20)	60.5 (72)	21.0 (25)	81.5%	4.0	0.70
12	Saya menggunakan perwakilan tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran (kemahiran dan kecergasan	-	-	20.2 (24)	60.5 (72)	19.3 (23)	79.8%	3.99	0.63
Keseluruhan Amalan								3.95	0.71

- STS = Sangat Tidak Setuju      SP = Sisihan Piawai
- TS = Tidak Setuju
- AS = Agak Setuju
- S = Setuju
- SS = Sangat Setuju

Secara keseluruhannya, keputusan di atas menjelaskan bahawa guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Negeri Selangor yang dikaji mengamalkan transformasi dalam amalan pedagogi dan tindakan pengajaran terhadap sub konstruk persediaan, usaha dan penyampaian guru di tahap tinggi berdasarkan kepada nilai (M=3.95, SP= 0.71).

### 3.1. Tahap Amalan Kefahaman Secara Ringkasan

Keseluruhan amalan kefahaman terhadap pedagogi dan pengajaran guru sekolah kajian di amalkan dalam tahap tinggi, dengan skor min (M=3.76) dan sisihan piawai (SP=.76). Interpretasi mengikut dimensi pula menunjukkan sub dimensi menjelaskan kefahaman tentang isi kandungan mata pelajaran diamalkan di tahap tinggi (M=3.84, SP=.60). Manakala sub dimensi latar belakang murid diamalkan pada tahap tinggi. Nilai min dan sisihan piawai adalah (M=3.78, SP=.75). Jadual 42 di bawah menjelaskan skor min, sisihan piawai dan tahap amalan kefahaman pedagogi dan tindakan pengajaran guru sekolah menengah yang dikaji.

**Jadual 8.** Taburan Responden mengikut Faktor Penguasaan Ilmu

Konstruk Kefahaman	Min(M)	Sisihan Piawai(SP)	Tahap Amalan
IK	3.84	.60	Tinggi
LBM	3.78	.75	Tinggi

Keseluruhan Amalan	3.81	.67	Tinggi Amalan
--------------------	------	-----	---------------

### 3.1. Tahap Amalan Transformasi Secara Ringkasan

Keseluruhan amalan transformasi terhadap pedagogi dan pengajaran guru sekolah kajian di amalkan dalam tahap tinggi, dengan skor min ( $M=3.95$ ) dan sisihan piawai ( $SP=.71$ ). Interpretasi mengikut dimensi menunjukkan, sub dimensi menjelaskan, persediaan diamalkan di tahap tinggi ( $M=3.98$ ,  $SP=.72$ ). Manakala sub dimensi usaha guru diamalkan pada tahap tinggi iaitu ( $M=3.78$ ,  $SP=.73$ ) begitu juga sub dimensi penyampaian turut diamalkan pada tahap tinggi. Nilai min dan sisihan piawai adalah ( $M=3.92$ ,  $SP=.69$ ). Jadual 43 di bawah menjelaskan skor min, sisihan piawai dan tahap amalan transformasi pedagogi dan tindakan pengajaran guru sekolah menengah yang dikaji.

**Jadual 9.** Tahap Amalan Transformasi

Konstruk Transformasi	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Amalan
SEDIA	3.98	.72	Tinggi
USAHA	3.78	.73	Tinggi
PAIGU	3.92	.69	Tinggi
Keseluruhan Amalan	3.89	.71	Tinggi Amalan

Secara keseluruhannya keputusan ini menjelaskan bahawa guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Negeri Selangor yang dikaji mengamalkan transformasi di tahap tinggi

## 4. Perbincangan

Kajian ini memberi tumpuan utama kepada huraian analisis dapatan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif. Data telah diperolehi melalui satu set instrumen yang telah dijawab oleh 119 responden kajian yang memperjelaskan tahap amalan penaakulan pedagogi guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah daerah Klang. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item dalam dimensi kefahaman dan transformasi guru mempunyai tahap min yang tinggi. Seajar dengan itu, guru Pendidikan Jasmani daerah Klang, dapat menterjemahkan amalan penaakulan pedagogi dengan mempunyai kefahaman mengenai isi kandungan pelajaran dan tentang latar belakang murid. Bahkan guru Pendidikan Jasmani turut berjaya menterjemahkan amalan penaakulan pedagogi dari aspek dimensi persediaan pengajaran, usaha guru serta memiliki kemahiran dalam penyampaian pengajaran yang baik. Perbincangan berikut menghuraikan tahap amalan penaakulan pedagogi yang melihat kepada tahap analisis amalan kefahaman dan transformasi, guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah.

Perbincangan dapatan kajian tentang tahap amalan kefahaman guru Pendidikan Jasmani di sekolah menengah di negeri Selangor mempunyai nilai min yang tinggi iaitu  $M=3.76$  dengan sisihan piawai 0.76. Dimensi kefahaman merujuk kepada pandangan guru terhadap pengetahuan pedagogi isi kandungan dan latar belakang murid, kefahaman guru dicapai apabila guru memahami apa yang akan mereka lakukan dalam pengajaran kepada murid (Vicky Smart & Sim, 2013a). Dapatan ini menegaskan bahawa kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran dan berkefahaman tentang latar belakang murid merupakan elemen yang penting bagi seorang guru dalam amalan penaakulan pedagogi bagi memastikan mata pelajaran yang diajar benar-benar berkesan. Manakala kefahaman pula, adalah peringkat permulaan dan juga tujuan akhir dalam proses amalan penaakulan pedagogi. Seorang guru perlu mengetahui dan memahami dalam pelbagai cara malah guru perlu tahu dan memahami tujuan pengajaran di samping melahirkan murid cemerlang dan bersahsiah mulia.

Keputusan kajian ini adalah bertepatan dan konsisten dengan kajian pengasas teori dan model ini Shulman (1986) di mana dimensi kefahaman ini merupakan pemahaman guru mengenai cara bagaimana

untuk membantu murid memahami sesuatu mata pelajaran secara khusus. Malah kajian Shahril Marzuki & Habib (1999) turut menyokong kajian ini, di mana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu mengambil kira cara pengajaran guru yang mendalami isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar, berpengetahuan tentang pengetahuan dan latar belakang murid, memberi motivasi, mengawal kelakuan murid serta mengumpul murid mengikut kumpulan. Kajian ini turut disokong dengan kajian oleh Ahmad Johari Sihes (2013) dengan menyatakan bahawa pembelajaran yang berlaku terhadap murid perlu dilaksanakan mengikut tahap dan keupayaan mereka.

Walaupun bagaimanapun kajian ini berbeza dengan kajian sebelum ini, kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kajian ini dengan kajian oleh Julismah (2004; 2007) yang menyatakan tahap pengetahuan guru pengkhususan guru Pendidikan Jasmani adalah berada di tahap yang sederhana (68%) jika dibandingkan dengan guru bukan opsyen (38%). Kajian yang sama turut dicatatkan, Sarkawi & Noreha (2008) mendapati guru Pendidikan Jasmani berada tahap sederhana untuk tahap pengetahuan kandungan, tahap penguasaan pengetahuan pedagogi dan tahap pelaksanaan pengetahuan kandungan pedagogi dengan nilai min 2-9 hingga 3.2. Begitu juga kajian Syed Kamaruzaman (2012) turut menyatakan hal yang sama, di mana tahap pengetahuan guru Pendidikan Jasmani adalah pada tahap sederhana dalam memahami konteks yang meliputi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matalamat mata pelajaran Pendidikan Jasman, objektif dan kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani itu sendiri. Kajian pengkaji kajian ini mendapati kefahaman guru opsyen adalah ( $M=4.09$ ) berada pada tahap tinggi manakala bukan opsyen adalah ( $M=3.48$ ) pada tahap yang sederhana. Walaupun bagaimanapun, perbezaan antara guru pengkhususan Pendidikan Jasmani dan guru Sains Sukan, kedua-duanya berada pada tahap min yang tinggi iaitu ( $M=4.09$ ) dan ( $M=4.20$ ).

Tahap amalan transformasi guru di sekolah menengah di Negeri Selangor mencatatkan semua item yang dikaji turut berada pada tahap yang tinggi iaitu pada nilai ( $M=3.95$ ) dengan sisihan piawai 0.71. Ini menunjukkan bahawa perlunya guru-guru mempunyai kesediaan mengajar, usaha yang kuat serta memiliki penyampaian yang baik dalam pengajaran.

Dapatan ini disokong oleh kajian Syed Kamaruzaman (2011) yang berkaitan dengan perancangan dan persediaan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah di tahap tinggi. Dapatan kajian ini turut menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara konstruk kefahaman dan transformasi dengan nilai korelasi 0.714 (Chua, 2005; Wiersma & Jurs, 2009). Kajian lepas juga turut menegaskan perancangan dan persediaan yang rapi sebelum sesi pengajaran dapat membantu guru agar lebih mampu menguasai murid dan bilik darjah lebih terurus.

## 5. Rumusan

Guru seharusnya memiliki pengetahuan, kefahaman, kemahiran dalam menghasilkan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan di samping berkeupayaan dalam mengatur aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan murid. Sejalan dengan pandangan Ali et.al (2014), warga pendidik hendaklah bersedia mengadakan suatu revolusi dalam pembelajaran yang dapat mengubah cara pembentukan dan perkembangan pengetahuan murid dari segi minat dan penguasaan sesuatu kemahiran.

Justeru, guru Pendidikan Jasmani perlu bersiap siaga dalam mengharungi perubahan semasa dan transformasi pendidikan negara dengan memiliki semangat untuk belajar secara berterusan, bersedia menghadiri kursus dalam perkhidmatan atau program intervensi tambah opsyen (*PITO*) bagi meningkatkan lagi kemahiran pedagogi dan kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Dicken Kilue & Tajul Arifin Muhamad (2017), antaranya ialah sesi pengajaran bersama rakan guru (*peer coaching*), di mana kaedah ini melibatkan guru baharu akan mengajar sambil diperhatikan oleh *coach* yang terdiri daripada guru pakar, guru cemerlang atau guru

berpengalaman dan sebaliknya. Sesi maklum balas, refleksi dan perbincangan berkenaan dengan proses penyampaian pengajaran akan dibincangkan selepas kedua-dua pihak membuat sesi pengajaran. Melalui *peer coaching* ini kedua-dua pihak akan dapat maklum balas secara langsung. Selain itu, proses tunjuk cara dalam pengajaran, sistem sokongan rakan sekerja, perkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah dan pengajaran secara kolaboratif dapat diintegrasikan (Jones & Harris, 2013).

Guru baharu yang mengajar Pendidikan Jasmani juga boleh menggunakan kaedah *Lesson study* yang merupakan salah satu kaedah pelaksanaan aktiviti pengajaran dan persediaan secara kolaboratif di kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani. Mereka perlu duduk bersama untuk membincangkan isu dan merancang aktiviti yang ingin dijalankan bagi mencari jalan penyelesaian sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Ilham & Siti Hasanah, 2013). Sesi pengajaran akan dijalankan oleh salah seorang guru manakala guru lain bertindak sebagai fasilitator. Kaedah ini dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan guru baharu ataupun guru bukan opsyen yang mengajar Pendidikan Jasmani.

Perbincangan bab ini telah menyentuh dapatan kajian yang signifikan dan kaitannya dengan kajian-kajian lepas serta aspek-aspek teoritikal kajian pengajaran yang baik adalah guru yang dapat melalui kedua-dua dimensi amalan tersebut. Ini adalah kerana amalan tersebut merupakan turutan disiplin yang sangat penting bagi seseorang guru. Justeru menjadikan pengajaran lebih berkesan dalam membina ciri-ciri guru Pendidikan Jasmani yang berkualiti. Elemen yang dimaksudkan adalah amalan penaakulan pedagogi dan tindakan guru terhadap pengajarannya.

Dapatan ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang lebih bermakna serta garis panduan kepada guru Pendidikan Jasmani kerana ia memberi implikasi kepada dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor terhadap standard pengajaran guru Pendidikan Jasmani. Di samping itu, cadangan kajian lanjutan dikemukakan agar di masa akan datang terdapat pengkaji-pengkaji lain dapat membuat penerokaan seterusnya untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang sedia ada. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sandaran dan rujukan kepada mereka yang komited sebagai pengkaji bagi pemantapan pengajaran guru.

## 9. Rujukan

- Ahmad Johari Sihes. (2013). *Teori pembelajaran. Diakses pada Mei 13, 2013*. <http://eprints.utm.my/10358/1/bab11.pdf>.
- Akta Pendidikan 1996. (2006). *Akta pendidikan 1996 (Akta 550) & peraturan-peraturan terpilih hingga 20 hb. Julai 2006*. Kuala Lumpur. ILBS.
- Ali, S. K. S., Hassan, M. Z. C., & Jani, J. (2014). *Efikasi sendiri guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani*. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3).
- Bahagian Pendidikan Guru. (2007). *Manual kualiti kementerian pelajaran Malaysia (Februari)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chua Y.P (2005). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Malaysia: Mc. Graw Hill Education.
- Dicken Kilue & Tajul Arifin Muhamad (2017). *Cabaran pengajaran subjek Pendidikan Jasmani di sekolah menengah di Malaysia*. *Journal of Nusantara Studies* 2017, Vol 2(2) 53-65 Universiti Sultan Zainal Abidin
- Hair. J.F; Black, W.C; Babin, B.J; & Tatham R; L. (2010). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.

- Ilham & Siti Hasanah. (2013). *Teknik pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar jarak jauh*. Jurnal Pengurusan Pendidikan, 2(8), 21-29.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Unit ICT (2017). *Data guru pendidikan jasmani sekolah menengah negeri Selangor*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jones, M., and Harris, A. (2013). 'Disciplined collaboration: Professional learning with impact'. *Professional Development Today*, 15 (4), 13–23.
- Julismah Jani (2004). *Teras pengetahuan mengajar guru mata pelajaran pendidikan jasmani di Sekolah Menengah Daerah Batang Padang, Perak*. Jabatan Sains Sukan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. UPSI.
- Julismah Jani. (2007). *Pengenalan ilmu konten pedagogi dalam pendidikan jasmani dan sains sukan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006- 2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Surat pekeliling ikhtisas. Bil 25/1998*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Laporan Jemaah Nazir Jaminan dan Kualiti. (2016). *Laporan pemeriksaan penuh, pembedulan dan penambahbaikan di sekolah menengah Selangor*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. *Bil. 5/2015*. Kementerian pendidikan Malaysia (2013)
- Sarkawi & Noreha. (2008). *Pengetahuan kandungan pedagogi guru pendidikan jasmani tingkatan empat di daerah Ulu Kinta Perak*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak.
- Shahril Marzuki @ Chairil. & Habib Mat Som. (1999). *Pendidikan di Malaysia. Isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.
- Shulman, L. S. (1986). *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform*. Harvard Educational Review, 15(2), 4 – 14.
- Shulman, L.S. (1987). *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform*. Harvard Educational Review, 57 (1), hlm. 1-22
- Syed Kamaruzaman et al. (2011). *Perancangan dan persediaan terhadap objektif pelajaran dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan 4 bagi tunjang kecergasan fizikal*. Jurnal pendidikan Edisi Khas 2011. Universiti Malaya.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali (2012). *Pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan 4 bagi tunjang kecergasan fizikal berdasarkan model penilaian Stufflebeam*. Tesis PhD Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Vicky Smart & Sim (2013). *Exploring teachers technological pedagogical reasoning through digital portfolio*: Griffith University, Australia. hlm. 1-8.
- Ward & Ayvazo (2016). *Pedagogical content knowledge: conception and findings in physical education*. Journal of teaching in physical education. Volume 35 issue, pages 194-207.
- Wiersma, W., & Jurs. (2009). *Research method in education*. An introduction: MA Pearson.

Zamri Mahamod, Anisah Alias & Nur Ehsan Mohd Said. (2012). *Perbandingan kemahiran generik pelajar opsyen bahasa melayu di sebuah IPTA dan IPG*. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education. 4 (1): 82–95.